

CNS3013

R GB 26-10 00146 BB056

BAH

Mahathir - PBS

BN MAHU JAMINAN PBS SEBELUM DITERIMA SEMULA

KUALA LUMPUR, 26 Okt (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) perlu mendapat jaminan Parti Bersatu Sabah (PBS) bahawa ia sudah berubah sebelum dapat menerimanya kembali, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, hasrat PBS untuk menganggotai semula BN bukanlah kali pertama dinyatakan sejak ia meninggalkan gabungan itu beberapa hari sebelum pilihan raya umum 1990.

"Sementara kita mengalu-alukan hasrat ini, kita tentulah ingin tahu apa syarat-syarat yang perlu dikenakan," katanya kepada pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, Subang sekembalinya dari Cyprus hari ini selepas menghadiri CHOGM.

Dr Mahathir, yang juga Pengerusi BN berkata, parti-parti yang ingin menyertai BN mestilah berpegang kepada prinsip-prinsip BN.

"Kita tak boleh ada keadaan parti-parti boleh keluar masuk BN dengan begitu sahaja... kalau tidak BN tidak bermakna," katanya. -- Lagi.

▼26/10/09-47MST

CNS3039

R PB 26-10 00160 BH703

bah

Mahathir - PBS 2 Kuala Lumpur

"Apakah jaminan PBS tidak akan berlaku lagi apa yang telah berlaku dahulu," kata Dr Mahathir ketika ditanya mengenai kenyataan para pemimpin PBS akhir-akhir ini mengenai hasrat parti itu menyertai semula BN.

Naib Presiden PBS, Datuk Lajim Haji Okin, yang juga Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri, berkata semalam PBS menunggu masa yang sesuai untuk memohon menyertai semula BN.

Jumaat lepas, Ketua Menteri Sabah, Datuk Joseph Pairin Kitingan, yang juga Presiden PBS, berkata beliau menaruh harapan kepada Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai Timbalan Presiden UMNO untuk memperbaiki hubungan renggang antara Sabah dan Kuala Lumpur.

Dr Mahathir berkata kenyataan pemimpin PBS yang mengaitkan perubahan dalam kepimpinan UMNO dengan hasrat menyertai semula BN hanya merupakan alasan parti itu sahaja.

"Kita ada alasan lain kenapa ia dikeluarkan dari BN...ini bukan kerana perubahan kepimpinan tetapi kerana sikap PBS sendiri, apa jaminan ia sudah berubah," katanya. -- Lagi

▼26/10/10-58MST

CNS3051

R PB 26-10 00142 BH707

bah

Mahathir - PBS 3 Kuala Lumpur

Beliau berkata sekiranya PBS mempersoalkan kepimpinan UMNO, UMNO juga boleh mempersoalkan kepimpinan mereka.

Ketika ditanya sama ada beliau bermaksud BN boleh menerima PBS sekiranya ia tidak lagi dipimpin oleh Pairin, Dr Mahathir berkata: "mungkin kita hendak tahu apa jaminan dia".

"Kita hendak tahu apakah kali ini ada perubahan dan apa jaminan perubahan itu akan kekal."

Ketika diminta menghuraikan jaminan yang beliau harapkan daripada PBS, Dr Mahathir mengimbau kembali tindakan PBS "menikam dari belakang" di saat-saat akhir BN menghadapi pilihan raya umum.

"Dulu tengah-tengah kita bertanding pilihan raya, dia tarik diri menyebabkan kita tak dapat bertanding dalam banyak kawasan kerana tak dapat meletakkan calon disebabkan proses kempen sudah bermula."

"Jangan pula kita ada pilihan raya sekali lagi, dia keluar ... kacaulah," katanya.-- Lagi

▼26/10/11-30MST

CNS3061

R PB 26-10 00148 BH708

bah

Mahathir - PBS 4 (Akhir) Kuala Lumpur

Ketika ditanya sama ada perpaduan rakyat boleh ditingkatkan dengan penyertaan semula PBS ke dalam BN, Dr Mahathir berkata tentu ada sebab jika hubungan itu menjadi renggang.

"Kalau kita kata perpaduan rakyat boleh dirapatkan bermakna yang menghalang perpaduan ialah PBS," katanya.

. Perdana Menteri menyebut mengenai hubungan yang begitu rapat antara Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri itu sebelum Sabah diperintah PBS.

"Sehinggakan waktu itu dalam satu tahun saya lima kali pergi ke Sabah dan setiap kali, duduk sehingga lima hari...saya melihat pembangunan dan kenal semua pemimpin di Sabah."

"Kali ini sejak beberapa tahun ini selama PBS mengambil-alih, kalau saya pergipun, duduk di satu tempat sahaja seolah-olah saya dipisahkan dari rakyat Sabah," katanya.

Katanya, keadaan itu menyebabkan tidak ada kemesraan dan mungkin dilakukan secara sengaja.-- Bernama.

AZZ ES OA